



Capaian folder Windows 10

FOLDER *WindowsApps* dalam folder *Program Files* adalah folder sistem dan tersembunyi secara lalai dalam Windows 10. Walaupun sudah ditetapkan bagi penunjukan fail tersembunyi dan folder dalam Windows 10, capaiannya tidak dibenarkan dengan mesej amaran "You have been denied permission to access this folder".

Keperluan untuk mencapai *folder* ini adalah untuk melihat fail program dan aplikasi yang dipasang menerusi *Windows Store*.

WindowsApp adalah *folder* iaitu semua fail program disimpan yang dipasang menerusi *Windows/Microsoft Store*.

Contoh aplikasi yang dipasang daripada *Windows Store* adalah seperti aplikasi *Photos*, *Paint 3D*, *Movies & TV*, *People*, *Windows Camera* dan selainnya. Kesemua fail yang berkaitan dengan aplikasi *Windows Store* ini dipasang dalam *folder WindowsApp*.

Lokasi *folder WindowsApp* ialah *folder C:\Program Files* dan terhad dengan capaian secara lalai.

1 Hilangkan sembuiian fail dan *folder* dalam Windows dengan pergi ke *File Explorer > View > Hidden items*.

2 Tekan butang Windows dan R dan taip, *%programfiles%\WindowsApps* untuk membuka *folder WindowsApps*.

3 Klik kanan pada *folder WindowsApps* dan pilih *Properties*.

4 Pada menu *Window Properties*, klik pada tab *Security* dan tekan butang *Advanced*.

5 Pada menu *Advanced Security Settings for WindowsApp folder*, klik pilihan *Change*.

6 Pada tettingkap *Select User or Group*, klik butang *Advanced > Find Now > Administrators > OK*. Seterusnya, klik butang *OK* sehingga ia disimpan dan selesai.

7 Akhirnya buka balik *folder WindowsApss* dengan cara menaip *%programfiles%\WindowsApps* dalam kotak *Run* atau capai terus ke *folder* di *C:\Program Files\WindowsApp*.